

## Minda Orientalis dan Minda Pasca-Kolonial: Politik Membaca *Hikayat Hang Tuah* Orientalist Mind and Post-colonial Mind: the Politics of reading *Hikayat Hang Tuah*

KAMARUDDIN M. SAID

### ABSTRAK

*Hikayat Hang Tuah* ialah sebuah teks sastera Melayu klasik yang menukilkan pelbagai peristiwa budaya-politik Melayu dalam zaman Kesultanan Melaka abad ke lima belas, dan penuh dengan mesej sosial dan politik. Wacana yang diungkapkannya cukup relevan kepada para pembaca kolonial yang berpegang pada perspektif Orientalisme, dan pada pembaca peribumi kini yang berpegang pada perspektif pasca-kolonial. Artikel ini memperkatakan tentang “politik” pembacaan *Hikayat Hang Tuah*, dengan cara membandingkan pembacaan Richard O. Winstedt, seorang Orientalis Inggeris zaman penjajahan, dan pembacaan oleh penulis sendiri menerusi perspektif pasca-kolonial. Tujuan artikel ini ialah untuk membuktikan bahawa pembacaan *Hikayat Hang Tuah* sesungguhnya dipandu oleh perenggu minda dan paradigme intelektual yang dibentuk oleh budaya dan politik tertentu yang dipegang oleh sipembaca. Budaya dan politik kolonial di Tanah Melayu pada penghujung abad kesembilan belas dan awal abad kedua puluh bukan sahaja telah membentuk minda Orientalis dalam kalangan para pegawai dan penyelidik kolonial, malah telah mempengaruhi pembacaan mereka hasil menanggapi teks perbumi hanya daripada perspektif teori yang berpengaruh ketika itu, iaitu teori evolusi dan difusi. Setelah zaman penjajahan berakhir, teks yang sama boleh pula dibaca oleh pengkaji peribumi, dengan menggunakan perspektif pasca-kolonial, dan yang berupaya menanggapi pelbagai makna baru.

### ABSTRACT

*Hikayat Hang Tuah* is a classical Malay literary text, contextualized within the 15<sup>th</sup> century political-culture of the Melaka Sultanate that is imbued with socio-political messages. Its discourse is, nonetheless, relevant to colonialist readers with Orientalist perspective reflective of the British colonizers in the Malay Peninsula (1874-1957) and also to contemporary indigenous readers. This article examines the ‘politics’ of reading *Hikayat Hang Tuah*, by comparing two reading perspectives, namely Richard O. Winstedt’s, which is from the Orientalist perspective, and that of the writer, which is from an indigenous and post-colonial one. It is the contention of this article that readings of *Hikayat Hang Tuah* are constructed by mindsets and intellectual paradigms of specific cultural and political leanings. The colonial politics and culture in Malaya of

*the late 19<sup>th</sup> to mid 20<sup>th</sup> centuries, not only shaped the Orientalist mind of the colonial officers and researchers, but they also operated to influence their readings of native texts by looking at the texts through the perspectives of leading theories of the period, namely evolution and diffusion. After colonialism, these same texts can be read from other perspectives within theories contemporary to this period, including post-colonial theory, which then generate new meanings.*

## PENGENALAN

Minda Orientalis dan minda pasca-kolonial terbentuk di atas pentas paradigma yang berbeda lagi berlawanan, serta wujud dalam dua zaman yang berlainan dalam peredaran sejarah pemikiran sosial di dunia. Minda Orientalis dibentuk oleh sistem pemikiran, kepercayaan, ideologi dan budaya masyarakat kulit putih Eropah dan Amerika Utara ketika mereka menjajah kawasan “Oriental”, iaitu kawasan Asia (termasuk Timur Tengah). Sebaliknya, minda pasca-kolonial dibentuk oleh pemikiran, kepercayaan, ideologi dan budaya masyarakat Dunia Ketiga yang telah bebas daripada belenggu penjajahan, dan juga dalam kalangan para sarjana Barat yang kini merasa terpenggil untuk tidak lagi berpegang pada ideologi Orientalisme lampau itu.

Teori pasca-kolonial ialah teori yang lahir pada penghujung abad yang kedua puluh. Teori ni memberikan panduan baru terhadap pembacaan serta pentafsiran semula segala hasil tulisan para Orientalis mengenai masyarakat dan budaya peribumi di tanah jajahan mereka, terutamanya di Asia. Teori pasca-kolonial ini berpegang pada andaian pokok yang telah diperjelaskan oleh Edward Said (1978) bahawa Orientalisme ialah satu sistem pemikiran, penulisan, pandangan dan penelitian yang direkabentuk oleh pelbagai institusi pendidikan dan latihan bagi pegawai awam (dan swasta) kolonial, yang berkhidmat di tanah jajahan. Orientalisme telah membina tanggapan rasmi, formal, malah peribadi tentang betapa rendahnya martabat masyarakat dan budaya peribumi di tanah jajahan berbanding dengan ketinggian martabat masyarakat dan budaya Barat. Oleh itu, pada umumnya kuasa kolonial telah merancang dengan teliti bahawa para pegawai awam kolonial yang berkhidmat di tanah jajahan wajib terlebih dahulu dibekalkan ideologi Orientalisme. Dengan demikian, segala hasil penelitian dan tulisan mereka dengan sendirinya akan mewakili sudut pandangan dan kepentingan kuasa kolonial, dan mereka tidak perlu sensitif pada sudut pandangan dan kepentingan peribumi di tanah jajahan.

*Hikayat Hang Tuah* ialah sebuah teks sastra Melayu (dan Indonesia) klasik, sebuah teks sastra peribumi yang cukup indah dan sarat mengandungi mesej dan simbol-simbol budaya-politik Alam Melayu. Teks ini memaparkan pelbagai episod yang telah atau mungkin telah terjadi dalam ingatan sejarah politik Alam Melayu dalam zaman pra-kolonial. Teks ini telah wujud sejak para Orientalis

mulai mengenali Alam Melayu, iaitu lebih seratus tahun dahulu. Walaupun naratif teks ini berlatarbelakangkan masyarakat dan budaya “Melayu” dalam zaman kerajaan Melayu Melaka dan Jawa abad kelima belas, wacana politik yang dinukilkannya cukup jelas pada semua golongan pembaca, termasuklah pembaca kolonial yang mempunyai minda Orientalis zaman penjajahan Inggeris (1874-1957), dan pembaca peribumi kini yang mungkin pula mempunyai minda pasca-kolonial.

Artikel ini bertujuan membincangkan “politik” pembacaan *Hikayat Hang Tuah* dengan cara membandingkan pembacaan Richard O. Winstedt, iaitu seorang Orientalis yang begitu tersohor dan yang mengkaji sastra Melayu pada tiga dekad pertama abad kedua puluh, dan pembacaan penulis, selaku seorang pengkaji yang kebetulan seorang peribumi Melayu yang telah bebas daripada belenggu kolonialisme. Hujah yang ingin penulis bentangkan daripada perspektif teori pasca-kolonial ialah bahawa apa yang dibaca dan “dilihat” oleh para pembaca teks *Hikayat Hang Tuah* banyak dipengaruhi oleh perenggu minda (*mind sets*) dan paradigma peribadinya yang terbentuk oleh budaya dan ideologi pilihannya. Budaya politik zaman kolonial, sejak penghujung abad ke-19 hinggalah ke pertengahan abad ke-20, bukan sahaja telah membentuk minda Orientalis dalam kalangan para pegawai dan penyelidik kolonialnya, bahkan telah menetapkan cara pembacaan mereka terhadap teks peribumi. Pembacaan para Orientalis, terhadap teks peribumi, pada umumnya senantiasa bertolak daripada perspektif teori evolusi dan teori difusi yang sangat berpengaruh ketika itu. Walau bagaimanapun setelah berakhirnya penjajahan, teks peribumi yang sama itu boleh dibaca daripada perspektif dan teori yang lebih relevan, termasuklah teori pasca-kolonial, dan pembaca peribumi dapat melihat perkara-perkara “baru” yang sukar atau tidak terlihat oleh para Orientalis sebelumnya.

Oleh itu, dengan berpandukan teori pasca-kolonial, artikel ini menyelami pemikiran dan lubuk hati seorang Orientalis sejati, Richard O. Winstedt, dalam satu gelanggang penelitian yang sengaja dibataskan. Tujuan penulis ialah untuk mencadangkan beberapa alasan ideologikal dan teoritis yang telah mempengaruhi pendekatan Winstedt ketika “membaca” *Hikayat Hang Tuah* kira-kira lapan puluh lima tahun yang lalu.

## WINSTEDT DAN ORIENTALISME INGGERIS DI TANAH MELAYU

Richard Olof Winstedt ialah seorang pegawai kolonial dan Orientalis Inggeris *par excellence*, yang telah berkhidmat di Tanah Melayu dan Singapura selama lebih tiga dekad (1902-35). Anak Inggeris yang dilahirkan pada tahun 1878 ini dibesarkan dan menerima pendidikan sekolah rendah dan menengah di Oxford, England. Pada tahun 1898 beliau memperolehi ijazah Sarjanamuda daripada Universiti Oxford. Beliau memulakan kerjayanya, di Perak, sebagai seorang pegawai pelatih (sebagai inspektor sekolah rendah) di bawah sistem

Perkhidmatan Awam Kolonial Inggeris pada 1902. Sejak awal perkhidmatannya lagi, beliau mempunyai interaksi yang cukup intim dengan orang Melayu, lebih-lebih lagi, di sekitar tahun 1907, iaitu ketika beliau bertugas sebagai Penolong Pegawai Daerah di Tapah, Perak.

Di sekitar tahun tersebut beliau telah mengalami dua peristiwa yang banyak mempengaruhi perkembangan kerjayanya dan kegiatan penyelidikan serta penulisannya mengenai masyarakat dan budaya Melayu. Pertama, beliau telah bertemu dengan R.J. Wilkinson, seorang pegawai Perkhidmatan Awam Kolonial yang sepuluh tahun lebih kanan daripada Winstedt sendiri. Wilkinson aktif menjalankan penyelidikan tentang bahasa Melayu, dan menjadi editor kepada satu siri penerbitan yang bertajuk *Papers on Malay Subjects*. Beliau mempunyai pengaruh yang cukup besar terhadap kehidupan Winstedt seterusnya dalam bidang penyelidikan, penulisan, penerbitan dan kerjayanya. Peristiwa kedua ialah bahawa Winstedt telah berkenalan dengan Raja Haji Yahaya, yang bertugas sebagai Penghulu Mukim Cendriang, Tapah. Raja Haji Yahaya kemudiannya telah memperkenalkan Winstedt kepada Pawang Ana, seorang pencerita lisan (penglipurlara) yang terkenal dan terpenting di Perak ketika itu. Raja Haji Yahaya ialah informan utama yang membantu Winstedt dalam beberapa projek penyelidikannya mengenai budaya dan sastera lisan Melayu. Dalam tahun 1908, empat buah buku hikayat Melayu yang diusahakan dengan bantuan Raja Haji Yahaya dan Pawang Ana telah diterbitkan di Singapura, iaitu: *Awang Sulung Merah Muda*, *Cerita Jenaka*, *Hikayat Malim Deman*, dan *Hikayat Malim Dewa*.

Pada tahun 1913, dengan terbitnya buku tulisannya yang bertajuk *Malay Grammar* (terbitan Clarendon Press, Oxford), maka nama Winstedt sebagai seorang tokoh pengajian bahasa Melayu telah melonjak naik dalam kalangan para sarjana Inggeris dan Belanda yang terlibat dengan pengajian Melayu. Pada 1916, dengan sokongan kuat Wilkinson, Winstedt telah dilantik memegang jawatan Penolong Pengarah Pendidikan bagi Negeri-Negeri Selat (NNS) dan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (NNMB). Beliau diberikan tanggungjawab untuk menyemak dan memperbaiki sistem pendidikan vernakular Melayu. Pada 1924 hingga 1931 pula, beliau telah dilantik menjadi Pengarah Pendidikan bagi NNS dan NNMB.

Kegiatan penyelidikan dan penulisan ilmiah Winstedt telah terus berkembang selari dengan kenaikan pangkat dalam kerjayanya di Jabatan Pendidikan Negeri-Negeri Selat dan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu seperti yang telah disebutkan. Pada 1918, bukunya yang bertajuk *Kitab Tawarikh Melayu*, yang ditulis dalam bahasa Melayu dengan kerjasama Daing 'Abdu'l-Hamid bin Tengku Muhammad Salleh telah diterbitkan di Singapura. Za'ba menganggap penerbitan buku ini sebagai satu peristiwa penting bagi masyarakat Melayu, iaitu memperkenalkan disiplin sejarah dalam bahasa Melayu, yang memperlihatkan perbezaan sejarah daripada lagenda (Za'ba dlm Bastin & Roolvink 1967: 333).

Pada 1920 Winstedt mendapat ijazah DLitt. daripada Universiti Oxford setelah menghasilkan tesisnya mengenai *shaman*, *saiva* dan sufisme dalam sejarah budaya Melayu. Tesis ini ditulis menggunakan kerangka teori evolusi yang sangat berpengaruh ketika itu. Tesis ini kemudiannya diterbitkan di London pada 1925, sebagai sebuah buku yang bertajuk *Shaman, Saiva and Sufi: A Study of the Evolution of Malay Magic*.

Ternyata beliau merupakan seorang penyelidik dan penulis yang sangat produktif. Sepanjang berkhidmat di Malaya, dan diteruskan ketika beliau menjadi pensyarah (*reader*) dalam bidang pengajian Melayu di School of Oriental and African Studies, University of London, Winstedt telah menulis dan menerbitkan sembilan buah kamus, lapan buah buku nahu Melayu, enam buah buku sejarah, sebelas buah teks hikayat dan sastera lisan Melayu, sebuah buku analisis ilmiah evolusi sastera Melayu, 23 buah rencana etnografi, dan ratusan tulisan lain yang memperkatakan tentang kisah kepercayaan karut (baca mitos), magis, legenda, kraftangan dan kesenian Melayu. Oleh itu, ternyata bahawa Winstedt ialah seorang Orientalis yang benar-benar berminat meneliti dan menulis tentang masyarakat dan budaya yang didampinginya selama lebih tiga dekad itu.

Walaupun Winstedt “berguru” dengan Wilkinson, namun sikap Winstedt terhadap orang Melayu cukup berbeda daripada sikap Wilkinson. Menurut Roff (1980), usaha Winstedt dalam bidang pendidikan orang Melayu lebih merosakkan masyarakat Melayu kerana kepercayaannya bahawa pendidikan untuk para petani Melayu tidak harus melampaui darjat hidup mereka yang rendah itu.

Jika Winstedt hanya bersedia memberikan pelajaran yang ‘sesuai’ untuk bakal para petani Melayu, tetapi O.T. Dussek, yang dilantik menjadi Pengetua Maktab Perguruan Sultan Idris (MPSI) pada 1922, lebih ghairah memberikan pendidikan yang boleh membangunkan minda orang Melayu. Guru-guru yang dilatih di MPSI, ternyata bukan sahaja boleh menjalankan tugas keguruan masing-masing di seluruh tanah air, malah akhirnya telah memainkan peranan yang cukup penting dalam menyebarkan semangat kebangsaan dan memimpin golongan Melayu luar bandar.

Walaupun Winstedt menyokong perlantikan Dussek memegang jawatan Pengetua MPSI (sejak 1922-1936), namun beliau tidak bersetuju dengan penubuhan Pejabat Penterjemahan dan Karang Mengarang Melayu yang bergiat membangunkan nasionalisme Melayu. Namun begitu, Winstedt tidak berusaha menggunakan pengaruhnya untuk menutup Pejabat tersebut. Pejabat ini terus wujud hingga ke tahun 1941. Winstedt menamatkan perkhidmatannya di Tanah Melayu dan Singapura pada 1935. Sejak ketiadaan Winstedt, apa yang dilakukan oleh Dussek selama empat belas tahun sebagai Pengetua MPSI dan Penolong Pengarah Pelajaran (Melayu) itu telah dipandang sebagai satu kegiatan yang membahayakan kedudukan kuasa kolonial Inggeris di Tanah Melayu. Ketika itu, angin perubahan mulai bertiup kencang di seluruh dunia.

## WINSTEDT DAN ZA'BA

Apakah sikap Winstedt terhadap intelektual peribumi ketika itu, terutamanya Za'ba? Za'ba ialah salah seorang penulis Melayu yang menulis tentang kedaifan orang Melayu dalam zaman kolonial sebelum beliau dilantik oleh Dussek bertugas sebagai Ketua, Pejabat Penterjemahan dan Karang Mengarang di MPSI pada 1924. Pada tahun 1922, beliau telah menulis rencana bertajuk 'Malay Poverty' dan 'The Salvation of the Malays' yang diterbitkan dalam akhbar *The Malay Mail*. Dussek telah memilih Za'ba memegang jawatan tersebut setelah mengetahui kecenderungan pemikiran beliau yang begitu mengambil berat tentang nasib dan masa hadapan orang Melayu. Dussek tidak menyekat pemikiran dan penulisan Za'ba dan guru-guru serta para pelajar MPSI, yang bertujuan mengubah sikap hidup orang Melayu. Segala penulisan dan pemikiran Za'ba ini juga diperhatikan dengan rapi oleh Winstedt sendiri, dan beliau tidak cuba menyekatnya.

Sejak awalnya lagi Winstedt mempunyai rasa hormat yang agak tinggi terhadap Za'ba. Dalam "Kata Pengantar" kepada bukunya yang bertajuk *Shaman, Saiva and Sufism: A Study of the Evolution of Malay Magic* (1925) beliau mengucapkan terima kasihnya kepada Za'ba seperti berikut:

Saya berterima kasih kepada Tuan C.O. Blagden, Reader dalam bidang pengajian Melayu di School of Oriental Studies, London, dan Che' Zainal-Abidin bin Ahmad yang bertugas di Maktab (Perguruan) Sultan Idris, Perak, kerana membaca tulisan ini dalam bentuk manuskripnya; orang yang pertama itu telah memberikan banyak cadangan dan orang yang kedua telah memberikan banyak bahan berguna kepada saya (terjemahan penulis).

Ketika Winstedt menerbitkan bukunya yang bertajuk *A History of Malay Literature* (1940), beliau bukan sahaja memuatkan satu bab khas mengenai kelahiran sastra Melayu moden yang ditulis oleh Za'ba, malah turut mempromosikan nama Za'ba pada kulit bukunya seperti berikut: (*With a Chapter on Modern Developments by ZABA—Zainal Abidin bin Ahmad*). Ketika buku ini terbit, Winstedt telah pun bekerja sebagai pensyarah di School of Oriental Studies, University of London.

Inilah latarbelakang ringkas mengenai Winstedt yang akan membantu kita memahami perenggu mindanya terhadap hasil kepengarangan Melayu, khususnya terhadap *Hikayat Hang Tuah*.

WINSTEDT DAN *HIKAYAT HANG TUAH*

Winstedt ialah satu-satunya pengkaji Orientalis yang "membaca" *Hikayat Hang Tuah* walaupun hikayat ini telah diterbitkan pada tahun 1893 lagi oleh R. Brons Middle di Leiden. Hikayat tersebut kemudiannya dibaca oleh W.G. Shellabear di bawah *Malay Literature Series*, dalam empat bahagian, pada 1908-1909, di

Singapura. Winstedt sendiri telah menulis ringkasan *Hikayat Hang Tuah* yang diterbitkannya dalam *Journal of Straits Branch of the Royal Asiatic Society* (JSBRAS), bilangan 83, tahun 1921. Walau bagaimanapun, hanya dalam bukunya *A History of Malay Literature* (1939) sahaja Winstedt telah membuat analisisnya mengenai kedudukan *Hikayat Hang Tuah* dalam skema teori sasteranya. Buku tersebut telah diterbitkan semula oleh Oxford University Press pada 1969 dengan diberi nama baru, iaitu *A History of Classical Malay Literature*.

Dalam buku *A History of Classical Malay Literature* tersebut, yang setebal lebih 300 halaman dan mengandungi 13 bab, Winstedt membicarakan tentang *Hikayat Hang Tuah* dalam sepanjang tujuh halaman sahaja. Namun begitu, pembicaraannya yang ringkas tersebut telah memberikan sedikit isyarat petunjuk (clues) berkaitan tanggapannya sebagai seorang Orientalis terhadap *Hikayat Hang Tuah*.

Tanggapan pertama ialah bahawa *Hikayat Hang Tuah* mengandungi banyak unsur dan pengaruh epik India-Hindu, terutamanya epik *Ramayana*, atau nama Melayunya, *Hikayat Seri Rama*. Sebagai contoh, Winstedt menyatakan bahawa gelaran “Laksamana” yang digunapakai oleh Hang Tuah dipadankan daripada nama Laksamana dalam *Ramayana* (Winstedt 1969: 40). Hal ini adalah satu pendapat kecil berbanding dengan tanggapannya yang lebih menonjol, bahawa *Hikayat Hang Tuah* sarat dengan pengaruh Jawa, khususnya unsur cerita Panji (Winstedt 1969: Bab IV). Namun begitu, cerita-cerita Panji Jawa ini, terlalu banyak meminjam bahannya daripada epik Sanskrit-Hindu. Menurut Winstedt:

Sebelum seseorang itu mengalihkan pandangannya daripada unsur-unsur Jawa dalam sastera Melayu, perhatian perlu diberikan kepada sebuah roman Melayu-Jawa, *Hikayat Hang Tuah*, yang dipadankan daripada cerita-cerita Panji, walaupun, seperti yang telah kita perhatikan, seperti juga halnya dengan *Chekel Waneng Pati* ia mempunyai tokok-tambah unsur India... (Winstedt 1969:62. Terjemahan penulis).

Tanggapan kedua, yang lebih menekankan kerendahan darjat *Hikayat Hang Tuah*, ialah bahawa hikayat ini mencampur-adukkan sejarah dengan mitos dan lagenda, sama seperti cerita-cerita Panji. Menurut Winstedt:

(Hikayat ini) Jelas sekali ialah satu-satunya roman yang asli dalam sastera lama Melayu, dan sama seperti (cerita-cerita) Panji yang menjadi modelnya, ia membuat perakuan yang meragukan bahawa penceritaannya mempunyai landasan sejarah. Ini sesungguhnya satu contoh yang sangat ketara mengenai satu kecenderungan yang terdapat di kalangan epik palsu Jawa sejak seawal abad kesebelas yang mengangkat mitos dan lagenda biasa ke taraf fakta sejarah - yang menukarkan sejarah kepada mitologi atau lebih lepat, satu langkah ajaib yang menyamakan sejarah dengan mitologi (Winstedt 1969: 62).

Sebuah kapal Portugis singgah di Melaka dan setahun kemudian membeli sebidang tanah yang luas, seluas sekeping kulit lembu yang dipotong menjadi tali, dan di atas sebidang tanah tersebut mereka membina sebuah gudang yang dilengkapi meriam. Pada malamnya, meriam ini menghancurkan Melaka, dan Puteri Gunung Ledang melarikan diri ke hutan berhampiran perkampungan Batak, yang mengangkatnya menjadi Permaisuri.

Bendahara Tun Mat telah membuka Johor dan Sultan Mahmud melarikan diri ke Bentan dan menjadi Raja di tempat tersebut. Melaka jatuh dan dikuasi Portugis hingga dikalahkan pula oleh Belanda dengan bantuan Johor (pada 1641). Daun emas yang tercatat di atasnya perjanjian antara Johor dan Belanda masih tersimpan oleh Dato' Paduka Raja, Johor. Keris Hang Tuah masih lagi menjadi salah satu khazanah berharga Kesultanan Perak, yang berkemungkinan dibawa bersama oleh Baginda yang menjadi Sultan Perak yang pertama pada 1528.

Terdapat kemungkinan bahawa jika satu kajian mengenai beberapa manuskrip berkaitan lagenda yang tidak kritikal ini diadakan, maka kesimpulan yang akan tercapai ialah bahawa ia mempunyai asal-usul yang pelbagai. Sementara itu, sentimen nasionalis telah mengangkat Hang Tuah menjadi wira kebangsaan Melayu, malah seorang penyair mengaitkan kematiannya (Hang Tuah) dengan pertarungan di laut melawan Portugis, walaupun orang Portugis hanya sampai ke Melaka setelah Hang Tuah meninggal dunia (Winstedt 1969: 69).

Dalam bukunya *A History of Classical Malay Literature* (1969) Winstedt mengklasifikasikan segala hasil kesusasteraan Melayu kepada beberapa kategori: (1) sastera rakyat (*Malay folk literature*), (2) sastera Melayu zaman Hindu (*the Hindu Period*), (3) Sastera Melayu berunsur Jawa, (4) Sastera Melayu transisi dari Hindu ke Islam, (5) sastera lagenda Muslim, (6) cerita-cerita bersumberkan muslim, (7) sastera berbentuk teologi, perundangan dan sejarah Muslim; (8) sastera sejarah Melayu (*Malay histories*), (g) hukum kanun (*digests of Law*), dan puisi Melayu (bahasa berirama, syair dan pantun). Winstedt menghuraikan ciri-ciri setiap satu kategori sastera Melayu ini dengan memberikan contoh-contoh yang relevan. Pendeknya hampir kesemua manuskrip dan teks sastera Melayu klasik telah disebutkan dan disusun menurut “kronologi” kelahirannya. Kesemuanya ini dilakukan oleh Winstedt supaya berpadanan dengan kerangka teori evolusi dan difusi yang menjadi landasan analisisnya.

#### HIKAYAT HANG TUAH DAN PEMBACAAN PASCA-KOLONIAL PERIBUMI

Sebagai seorang pembaca peribumi, penulis melihat *Hikayat Hang Tuah* sebagai sebuah teks yang menyelitkan pelbagai naratif. Penulis melihat kelahiran sebilah keris sakti yang dinukilkan oleh pengarangnya dengan panjang lebar dan berastetika sastera. Penulis juga melihat kewujudan minda Melayu yang cukup lantang menentang kuasa Portugis ketika itu. Namun begitu, hasrat utama pengarang *Hikayat Hang Tuah* ialah untuk memerikan kisah yang berlaku apabila muncul sebilah keris hikmat dalam kehidupan masyarakat Melaka zaman lampau, kerana sebahagian besar kandungan hikayat ini adalah di sekitar kisah perebutan, penguasaan, dan penggunaan keris ini. Daripada kacamata teori strukturalisme, penulis pernah menyatakan bahawa keris Taming Sari ialah penanda utama (the signifier) dalam *Hikayat Hang Tuah*.

Segala pertanyaan yang timbul dalam pemikiran penulis mengenai makna yang tersirat dalam pemilihan keris, daripada “keris biasa” hinggalah kepada “keris hikmat”, sesungguhnya bertolak dari suatu andaian pramula bahawa keris adalah suatu perlambangan budaya yang amat bermakna kepada si pencerita (tafsiran hermeneutik) dan kepada masyarakat Melayu zaman lampau itu (tafsiran semiotik), iaitu perlambangan yang berkait cukup rapat dengan “budaya politik” masyarakat tersebut. Sebilah keris hikmat seperti keris Taming Sari bukan hanya suatu entiti yang zahir (empiri), yang melahirkan sebab dan akibat zahir semata-mata (kerana ada pihak yang membunuh, dan yang terbunuh olehnya), tetapi juga (malah lebih penting, dari segi interpretasi budaya) merupakan suatu entiti abstrak yang memberikan simbol, penanda, atau kod kepada suatu sistem makna masyarakatnya mengenai kuasa dan kuatkuasa (power and authority) serta absah (legitimate) atau tiadanya kuasa dan kuat kuasa raja, mengenai kesetiaan atau kederhakaan pahlawan, kemuliaan atau kezaliman dalam amalan pemerintahan, keagungan ataupun ketumpasan kerajaan dan masyarakatnya. Segala makna ini terserlah menerusi segala tindakan untuk menguasai atau memiliki keris tersebut. Dalam *Hikayat Hang Tuah*, sejak awal lagi disebutkan bahawa keris adalah senjata yang mempunyai suatu pengertian yang istimewa kepada penggunanya. Namun, dalam *Hikayat Hang Tuah* juga diperlihatkan bahawa tidak semua keris mempunyai persamaan “darjat”.

Maka “Keris Panjang Tempa Melaka” (hlm. 141) ini menjadi milik Hang Tuah, senjata utama yang digunakannya sebagai pahlawan Melaka. Namun, keris panjang tersebut bukanlah yang teristimewa jika dinilai kehebatan Hang Tuah selanjutnya. Keris istimewa Hang Tuah ialah keris Taming Sari yang didapati menerusi kebijaksanaannya mengalahkan pemilik asal keris tersebut, penjurit tua bernama Taming Sari, di hadapan Ratu Majapahit dan Patih Gajah Mada.

Cukup jelas bahawa hikmat yang ada pada keris Taming Sari bukan sahaja dianggap oleh Patih Gajah Mada sebagai penyebab kehebatan Hang Tuah, malah jika keris itu dapat dicurinya dan dijadikan keris kerajaan, maka Kerajaan Majapahit akan berupaya mempertingkatkan kekuatannya yang ketika itu bagaikan berada di bawah naungan Negeri Melaka, menerusi kehebatan Hang Tuah itu. Nilai keris Taming Sari itu sama dengan sebuah negeri.

Apabila, kali kedua, Hang Tuah difitnah berlaku sumbang di dalam istana Sultan oleh Patih Karma Wijaya, sekali lagi Sultan Melaka menitahkan Bendahara menjatuhkan hukuman bunuh ke atas Hang Tuah. Kali ini, sebelum Hang Tuah dibunuh, Raja Melaka memerintahkan Hang Jebat dan Hang Kesturi mengambil keris Taming Sari daripada Hang Tuah. Hang Tuah menyerahkan keris tersebut kepada Bendahara, dan Bendahara menyerahkannya kepada Hang Jebat. Apabila keris tersebut dipersembahkan kepada Raja Melaka, baginda menganugerahkannya kepada Hang Jebat.

Setelah Hang Tuah yang tidak dibunuh oleh Bendahara itu mengundurkan diri ke Ulu Melaka, dan setelah Hang Jebat diberi gelar Paduka Raja oleh Raja

Melaka, maka kisah Hang Jebat menderhaka kepada Raja yang cukup terkenal itu pun berlaku. Memiliki keris Taming Sari ternyata menjadikan Hang Jebat angkuh, bercita-cita menjadi raja, dan terus menjadi penghuni istana apabila Raja Melaka berpindah dari istana tersebut dan tinggal di rumah Bendahara.

Hang Jebat berubah menjadi bongkak dan penderhaka kerana keris Taming Sari berada di tangannya. Malah, kerana cukup yakin akan kekuatannya, setelah raja melarikan diri daripada istana, Hang Jebat mulai berkelakuan sebagai seorang raja.

Sehingga luput nyawa sudahlah si Jebat, akan kata orang yang tahu, jika berhimpun segala rakyat dalam negeri itu pun ditatahkan membunuh si Jebat, tiada aku mati. Akan sekarang Laksamana tiadalah dalam dunia ini: betapa aku mati?" (hlm. 323) "... Tahulah aku akan keris ini (keris marhum Bukit Seguntang) diambilnya, bahawa sekali-sekali keris ini tiada membunuh si Jebat, kerana kematianku ini pada tangan Laksamana tersurat pada kerisnya (keris Taming Sari). Sekarang Laksamana sudah mati, tambahan pula kerisnya ini beroleh ke tanganku; siapakah dapat membunuh aku? (hlm. 335).

Apabila Hang Tuah kembali semula ke Melaka, atas arahan Raja (setelah mendengar rahsia itu daripada Bendahara sendiri), dan bersetuju untuk membunuh Hang Jebat, pada mulanya dia meminta keris panjangnya daripada Bendahara, dan kemudiannya, di istana Raja, dia meminta keris Taming Sari itu daripada Raja Melaka:

Maka sembah Laksamana, "Daulat tuanku, patik mohonkan ampun, patik pohonkan keris pandak patik supaya patik pergi membuang si Jebat derhaka itu." Maka titah raja, "Ayo Laksamana keris itu sudah kita berikan kepada si Jebat derhaka itu." Setelah Laksamana mendengar titah raja demikian itu maka Laksamana pun menampar-nampar pahanya, seraya berkata, "Wah, sayangnya keris itu beroleh akan si Jebat. Siapakah dapat berhadapan dengan dia?"

Walaupun tidak memiliki keris Taming Sari itu, Hang Tuah berupaya menggunakan tipu helahnya (sama seperti yang dilakukannya kepada Taming Sari) untuk memesongkan perhatian Hang Jebat terhadap keris Taming Sari yang tersarung di pinggangnya ketika berehat dari pertarungan mereka, lalu menyambarnya (hlm. 346). Dengan keris Taming Sari itulah Hang Tuah menikam Hang Jebat lalu mati tiga hari selepas itu, setelah Hang Jebat yang tertikam itu mengamuk dan membunuh "ribuan" rakyat Melaka.

Pada pendapat sesetengah pengkaji, pertarungan antara Hang Tuah dan Hang Jebat, merupakan pertarungan dua watak utama yang mewakili dua aliran falsafah politik yang disandang oleh dua orang pahlawan Melayu dalam abad lampau - iaitu falsafah ketaatsetiaan (Hang Tuah) yang tidak berbelah bahagi kepada Raja, dan falsafah "Raja adil Raja disembah, Raja zalim Raja disanggah" (Hang Jebat); dan tafsiran ini telah menghasilkan suatu perdebatan yang cukup meluas mengenai siapakah wira Melayu sebenar antara kedua-dua orang pahlawan ini.

Pada penulis, segala episod yang berlaku ketika keris Taming Sari berada di tangan Hang Tuah menggambarkan segala bentuk cabaran yang Hang Tuah

hadapi bagi pihak kesultanan dan kerajaan Melaka, yang dapat diatasi dan diselesaikannya satu persatu. Keris Taming Sari adalah lambang dan penanda kekuatan Negeri Melaka dan kepahlawanan Hang Tuah sendiri – lambang kekuatan yang terjelma dalam budaya sosiopolitik masyarakat Melayu zaman lampau.

Keris itu juga menjadi bahan rebutan pihak yang cuba berkuasa, terutamanya Kerajaan Majapahit, dan menjadi senjata hikmat yang menghancurkan hubungan dua orang sahabat karib dengan memaksakan salah seorang daripadanya harus hidup dan terus memiliki keris tersebut. Kehilangan keris hikmat itu bererti kehilangan segala kudrat dan kehebatan seorang pahlawan, kedaulatan kesultanan Melayu (yang juga kehilangan mahkotanya), dan akhirnya keruntuhan sebuah kerajaan Melayu. Maka inilah, hipotesis penulis, bahawa kesaktian keris Taming Sari, dari sudut tafsiran budaya, merupakan intipati atau penentu dalaman (the signifier), ataupun unsur sinkronik yang menjadi teras bagi memahami budaya sosiopolitik masyarakat Melayu zaman lampau. Jika keris Taming Sari digugurkan dari kandungan *Hikayat Hang Tuah* ini, maka akan cukup jelas bahawa hikayat ini tidak mungkin menghidupkan segala kisahnya.

Namun, kehikmatan keris Taming Sari tidak boleh dianggap sebagai “penanda” tunggal dalam *Hikayat Hang Tuah*, kerana memang terdapat beberapa “penanda” lain yang juga merupakan inti atau pusat citra dalam hikayat ini. Misalnya, nilai dan falsafah Islam juga dapat dianggap salah satu penentu dalaman yang menjadi teras moral dalam citra hikayat ini.

Kesemua naratif dan episod berkaitan kewujudan serta perebutan keris Taming Sari yang paling dominan dalam *Hikayat Hang Tuah* ini tidak terlihat oleh Winstedt.

## HANG TUAH MELAWAN KUASA PORTUGIS

Sejarah kepengarangan Melayu memperlihatkan bahawa sejak Portugis berjaya menawan Melaka pada awal abad keenam belas, sikap penentangan terhadap kuasa Barat itu telah pun tertulis dalam *Hikayat Hang Tuah* dan *Sulalatus Salatin*. Kedua-dua teks ini mengandungi unsur-unsur ‘penentangan’ secara bersastera (literary resistance) (Slemon dlm. Mongia 1996: 72-83) yang tulen dan terawal oleh peribumi Melayu. Penentangan ini tumbuh secara spontan sebagai kesan daripada pengalaman peribadi pengarang asalnya yang sedang berhadapan dengan kuasa asing itu. ‘Penentangan’ secara bersastera ini perlu dilihat sebagai salah satu aspek penting dalam projek penteorian dan kritikan pascakolonial yang lebih luas. Perbincangan tentang *Hikayat Hang Tuah* dan *Sulalatus Salatin* hanyalah sekadar memberikan contoh tentang kewujudan suara penentangan secara bersastera ini kerana banyak lagi teks peribumi dalam kumpulan teks kesusasteraan Melayu tradisional, di Alam Melayu, yang perlu diteliti untuk memperlihatkan bahawa kedatangan kuasa Barat telah ditentang secara meluas.

*Hikayat Hang Tuah* juga memperlihatkan hasil kepengarangan Melayu yang melahirkan kebencian terhadap kedatangan kuasa Portugis. Oleh kerana *Hikayat Hang Tuah* menceritakan tentang kejatuhan Melaka di tangan Portugis, dan bagaimana kuasa Portugis dapat dikalahkan oleh Belanda dengan kerjasama orang Johor, maka kesimpulan umum yang boleh dibuat di sini ialah bahawa *Hikayat Hang Tuah*, pada penghujungnya, menyentuh tentang kehadiran dua kuasa Barat yang telah menakluki kerajaan Melayu Melaka yang terkenal itu. Sebagai sebuah karya yang telah wujud sebelum Orientalisme kolonial Inggeris bermula, *Hikayat Hang Tuah* memperlihatkan semangat kepengarangan Melayu yang tidak tunduk kepada kekuatan kuasa Barat, khususnya kuasa Portugis yang telahpun menguasai Melaka selama 130 tahun.

Apabila Portugis menyerang Melaka kali pertama, menurut nukilan *Hikayat Hang Tuah*, tanda-tanda bahawa Melaka akan dikalahkan telah pun terlihat. Mahkota Sultan Melaka telah terjatuh dan tenggelam di selat Singapura, dan Laksamana Hang Tuah telah kehilangan keris hikmatnya (keris Taming Sari) akibat disambar seekor buaya putih, ketika cuba mendapatkan semula mahkota tersebut. Raja Melaka dan Laksamana Hang Tuah telah jatuh sakit. Dalam keadaannya yang sakit itulah Laksamana Hang Tuah melawan serangan Portugis:

... Maka dibedilnya oleh seldadu dimitarnya ditujunya akan Laksamana, kena, lalu dibawanya oleh peluru itu sepuluh depa terpelanting. Maka Laksamana pun jatuh ke air, tetapi suatu pun tiada luka. Maka segera disambut oleh penjajap Laksamana lalu dinaik ke perahunya. Maka Laksamana pun tiada dapat berkata-kata...

(*Hikayat Hang Tuah* 1975:464)

Dalam serangan kali pertama ini, Portugis belum lagi dapat mengalahkan Melaka, walaupun ketika itu Laksamana Hang Tuah telah jatuh sakit akibat bedilan senjata Portugis. Setelah Melaka kembali aman, Raja Melaka, Bendahara dan Laksamana Hang Tuah telah mengundurkan diri dari Melaka untuk berguru dan beramal ibadat.

Portugis berjaya menawan Melaka apabila raja Melaka yang baru, iaitu Puteri Gunung Ledang, bersetuju membenarkan para pedagang Portugis membeli sekeping tanah seluas sebidang belulang. Dengan tipu muslihatnya, para pedagang Portugis itu berjaya menguasai sekeping tanah yang agak luas, lalu membina sebuah gedung yang dilengkapi pelbagai jenis senjata. Akhirnya, senjata yang digunakan untuk mempertahankan gedung tersebut telah digunakan untuk menyerang kerajaan Melayu Melaka. Kisah penguasaan Portugis di Melaka, walau bagaimanapun, hanya diceritakan secara ringkas sahaja dalam *Hikayat Hang Tuah*.

Dalam *Hikayat Hang Tuah*, jelas bahawa ‘pengarang’nya bersikap memusuhi kuasa Portugis, tetapi tidak pula membenci kuasa Belanda (disebut Wolanda dalam *Hikayat Hang Tuah*). Malah, orang Belanda yang menggantikan Portugis menguasai kota Melaka itu digambarkan sebagai orang yang pemurah dan menepati janji.

Kegiatan kepengarangan di Alam Melayu dalam zaman pertapakan Portugis (1511-1641) dan Belanda (1641-1824) di Melaka telah berlaku tanpa sebarang campurtangan daripada kedua-dua kuasa Barat tersebut. Kepengarangan Melayu ketika itu masih menggabungkan tradisi lisan serta tulisan, dan hasilnya belum lagi tersebar dengan bantuan teknologi percetakan. Kuasa Portugis dan Belanda yang hanya berpusat di Melaka tidak pernah ‘menapis’ hasil tulisan dan penceritaan para pengarang Melayu.

### ORIENTALISME WINSTEDT

Dalam “Kata Pengantar” bukunya, *A History of Classical Malay Literature* (1969: 5), Winstedt menulis bahawa sesiapa pun yang mengkaji kesusasteraan Melayu akan menemui terlalu banyak unsur asing di dalamnya, dan jarang sekali menemui bukti akan pertumbuhannya dari dalam. Malah menurut beliau, sastera rakyat Melayu sebahagian besarnya dipinjam daripada lagenda India yang cukup kaya. Pada mulanya diserap pada zaman Hindu, dan kemudiannya semasa zaman Islam. Apabila sastera Melayu berbunga di atas lembaran tulisan, bahasa Melayu telah menjadi bahasa budaya dalam kalangan para peniaga dan penulis India yang singgah di setiap pelabuhan di Alam Melayu.

Winstedt menekankan bahawa minda Melayu dalam zaman kolonial itu telah sekian lama dipengaruhi oleh hasil sastera yang diimport, diterjemahkan dan dipadankan daripada India, Parsi dan Arab. Beliau menekankan fakta bahawa hampir kesemua penulis dan sasterawan “Melayu” ketika itu ialah Melayu berketurunan India ataupun berdarah campuran. Orang Melayu tidak menghasilkan karya sasteranya sendiri.

Kini, apabila orang Melayu telah tahu berbahasa Inggeris, kumpulan yang bijak telah berjaya menjadi peguam, walaupun kursus undang-undang yang diikuti itu menggunakan bahasa Inggeris dan bahasa Latin (hlm. 5).

Tulisan Winstedt mengenai pelbagai teks sastera Melayu (dan Indonesia) boleh dikatakan telah meneguhkan minda Orientalisme Inggeris di Alam Melayu pada awal abad kedua puluh. Pendekatan dan tanggapannya mengenai kesusasteraan di Tanah Melayu telah diasaskannya menerusi paradigma evolusi dan difusi. Dengan menggunakan analogi sebiji bawang, Winstedt menganggap hasil karya sastera Melayu sebagai teks yang terdiri daripada lapisan-lapisan bahan sastera asing yang berasal daripada India, Jawa dan Timur Tengah, dan tidak mempunyai teras peribuminya yang mantap. Menurut beliau, satu-satunya hasil sastera yang dicipta oleh orang Melayu, ialah pantun dan “ungkapan tertentu”, iaitu peribahasa Melayu.

Kerangka pemikiran Winstedt ini mungkin terbentuk hasil pengaruh kajian van Ronkel mengenai unsur-unsur Tamil, Parsi dan Arab dalam khazanah sastera Melayu. Pemikiran ini selari dengan gagasan teori evolusi dan difusi budaya yang begitu dominan dalam kalangan para antropologis Inggeris dalam bahagian

awal abad kedua puluh, terutamanya Tylor dan Frazer. Dalam bukunya *The Malay Magician* (1925: 3), Winstedt menyatakan bahawa beliau berterima kasih kepada hasil tulisan Tylor, Frazer, Devons dan Hastings, iaitu tokoh-tokoh evolusionis ketika itu. Perlu disebutkan di sini bahawa Tylor ialah tokoh antropologi British yang telah membicarakan budaya masyarakat primitif dalam buku klasiknya yang bertajuk *The Primitive Culture* (1924).

## KESIMPULAN

Orientalisme menggabungkan kuasa dengan pembentukan ilmu pengetahuan kolonial. Oleh kerana kolonialisme ialah pemaksaan kuasa secara total terhadap tanah jajahan, maka Orientalisme melibatkan satu program pembentukan perenggu minda pegawai kolonial yang bukan sahaja sesuai untuk menguruskan pentadbiran kolonial tetapi juga dapat melahirkan ilmu kolonial. Budaya masyarakat di tanah jajahan dirancang sedemikian rupa supaya diperihalkan daripada sudut pandangan kuasa kolonial. Budaya masyarakat di tanah jajahan itu, mengikut skema teori evolusi, perlu direndahkan *vis-a-vis* budaya masyarakat lain yang disusun rapi menurut anak tangga teori evolusi. Dalam konteks skema teori evolusi ini, budaya Melayu di Tanah Melayu, iaitu sebuah entiti yang sangat kecil, dilihat sebagai penyerap unsur-unsur budaya yang lebih tinggi dan besar. Dalam hal ini Winstedt ialah seorang pegawai kolonial yang bukan sahaja telah mengalami proses pembentukan perenggu minda kolonial ini, tetapi juga dijangkakan menghasilkan ilmu kolonial budaya Melayu yang diharapkan oleh Orientalisme.

Apabila Winstedt “menemui” *Hikayat Hang Tuah*, skema teorinya mengenai tahap evolusi sastera dan budaya Melayu menjadi terganggu. Hal ini kerana *Hikayat Hang Tuah* menyerlahkan daya kreatif, naratif dan pemahaman tentang politik serta kuasa yang mendalam dalam budaya dan naratif Melayu. Teks *Hikayat Hang Tuah* membayangkan ketinggian darjat ilmu peribumi yang berlawanan dengan skema teori evolusi dan difusi yang menjadi pegangannya itu. Oleh itu, Winstedt tidak ingin melihat dan tidak berupaya membebaskan mindanya daripada belenggu Orientalisme untuk mempromosikan kehebatan teks peribumi ini. Pandangan ilmiah dan inteleknya telah dicengkam, disaring dan ditabir oleh Orientalisme. Demikianlah perkasanya Orientalisme dalam proses pembentukan ilmu kolonial. Namun, dalam zaman pasca-kolonial, teks peribumi yang hebat dan indah seperti *Hikayat Hang Tuah*, dapat dibaca tanpa terikat kepada, atau dibelenggu oleh sudut pandangan Orientalisme.

## RUJUKAN

- Abdul Rahman Embong. 2005. Persoalan Pascakolonialisme. Dlm. Mohamad Daud Mohamad & Zabidah Yahya (pnvt.). *Pascakolonialisme dalam Pemikiran Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- A. Samad Ahmad (pnyt.). 1986. *Sejarah Melayu (Sulalatus Salatin)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ashcroft, B., Griffiths, G. & Tiffin, H. 1995. *The Postcolonial Studies Reader*. London: Routledge.
- Awang Had Salleh. 1980. *Pelajaran dan Perguruan Melayu di Malaya Zaman British*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bastin, J. 1967. Introduction: Sir Richard Winstedt and His Writings. Dlm. John B. & Roolvink, R. (pnyt.). *Malayan and Indonesian Studies: Essays Presented to Sir Richard Winstedt on his Eighty-Fifth Birthday*. Oxford: At the Clarendon Press. Hal. 1-23.
- Foucault, M. 1967. *Madness and Civilization*. London: Tavistock.
- Ibrahim Saad. 1977. *Pendidikan dan Politik Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamaruddin M. Said. 2005. Pemikiran Pascakolonial Peribumi dan Kepengarangan Sastera Melayu. Dlm. Mohamad Daud Mohamad & Zabidah Yahya (pnyt.). *Pascakolonialisme dalam Pemikiran Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kassim Ahmad (pnyt.). 1975. *Hikayat Hang Tuah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Khoo Kay Kim. 1979. Suasana Politik di Malaysia Sebelum Perang Dunia II. Dlm. Persatuan Sejarah Malaysia (pnyt.). *Malaysia: Sejarah dan Proses Pembangunan*. Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia.
- \_\_\_\_\_. 1991. *Malay Society: Transformation and Democratisation*. Petaling Jaya, Selangor: Pelanduk Publications.
- Mongia, Padmini (pnyt.). 1996. *Contemporary Postcolonial Theory: A Reader*. London: Arnold.
- Muhammad Haji Salleh. 1991. Richard Winstedt: Sarjana atau/dan Penulis Kolonial? Dlm. *Akademika*. 39:17-39. Bangi: Penerbit UKM.
- Mustapha Hussain. 1999. *Memoir Mustapha Hussain: Kebangkitan Nasionalisme Melayu Sebelum UMNO*. Insun Sony Mustapha (pnyt.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Pluvier, J.M. 1965. The Cultural Aspects of the Colonial Period of Malayan History. Dlm. S. Takdir Alisjahbana et.al. (pnyt.). *The Cultural Problems of Malaysia in the Context of Southeast Asia*. Kuala Lumpur: The Malaysian Society of Oreintalists. Hal. 221-234.
- Roff, W.R. 1980. *The Origins of Malay Nationalism*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Said, E. 1978. *Orientalism*. London: Penguin.
- Shaharom Husain. 1996. *Memoir Shaharom Hussein*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Wilkinson. R.J. 1906. *Malay Beliefs*. London: E.J. Brille.
- \_\_\_\_\_. 1920. *The Incidents of Malay Life. Papers on Malay Subjects: Life and Customs*. Pt 1 (Second edition, revised) Singapore: Kelly and Walsh.
- Winstedt, R.O. 1940. *A History of Malay Literature (With a Chapter on Modern Developments by ZABA (Zainal Abidin bin Ahmad))*. Vol. XVII, Pt. 3.
- \_\_\_\_\_. 1925. *Shaman, Saiva and Sufi: A Study of the Evcolution of Malay*

*Magic*. Glasgow: The University Press.

\_\_\_\_\_. 1956. *The Malays: A Cultural History*. (4<sup>th</sup> edition). London: Routledge & Kegan Paul.

\_\_\_\_\_. 1960. *The Malay Magician*. London: Routledge & Kegan Paul.

\_\_\_\_\_. 1969. *A History of Classical Malay Literature*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.

Kamaruddin M. Said, Ph.D.

Pusat Pengajian Sosial, Pembangunan dan Persekitaran

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan

Universiti Kebangsaan Malaysia

43600 UKM Bangi

Selangor D.E., Malaysia